

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 19 MEI 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	NICE 2015	Utusan Malaysia
2.	Tubuh pasukan tindak balas	Berita Harian
3.	Celebrating 'togetherness'	New Straits Times
4.	Dua bapa maut di panah petir	KOSMO

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3  
TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**Sertai Kamil!**

**nice<sup>15</sup>**  
NATIONAL INNOVATION CONFERENCE AND EXHIBITION

**MELEWATI INOVASI**

**21 - 23 MEI 2015**

PUSAT KONVENTSYEN  
KUALA LUMPUR (KLCC)

**PERSIDANGAN**  
**PAMERAN**  
**PADANAN PERNIAGAAN**  
**KLINIK DANA**

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**#NICEMOSTI2015** [www.mosti.gov.my/nice2015](http://www.mosti.gov.my/nice2015)

**ITEX 15**  
Malaysia  
2015 International Innovation & Innovation Exhibition

**NATIONAL INNOVATION AWARD**

**Sains & Inovasi**  
Pintar Transformasi

**QR Code**

**MOSTI**  
MINISTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 20  
TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

SUSULAN PENDEDAHAN ISU SERANGAN SIBER

# Tubuh Pasukan Tindak Balas

» 10 sektor kritikal perlu lindung sendiri maklumat

Oleh Wan Noor Hayati  
Wan Alias  
wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

CyberSecurity Malaysia (CSM) mahu semua 10 sektor kritikal di negara ini menubuhkan Pasukan Tindak Balas sendiri untuk menangkis serangan siber bagi melindungi maklumatnya.

Sepuluh sektor itu ialah agensi pertahanan dan keselamatan, pengangkutan, tenaga, air, kewangan, maklumat dan komu-

nikasi, makanan dan pertanian, perkhidmatan kecemasan dan perkhidmatan kesihatan.

Semua sektor kritikal negara itu dikenali sebagai Infrastruktur Maklumat Kritis Negara (Critical National Information Infrastructure atau CNII) ketika ini diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Dasar Keselamatan Siber Kebangsaan.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata untuk melindungi kepentingannya, setiap sektor kritikal itu perlu mempunyai Pasukan Tindak Balas sendiri dan tidak bergantung kepada satu agensi tunggal semata-mata.

"Ketika ini, Pasukan Tindak Balas CSM iaitu MyCERT sudah membantu semua sektor ini dan berjaya menyelesaikan lebih 50,000 serangan siber sejak 1997.



**“Setiap agensi perlu ada pakar yang bukan setakat tahu komputer tapi boleh bina sistem pertahanan kukuh dan serang balik”**

**Amirudin Abdul Wahab,**  
Ketua Pegawai Eksekutif CSM

## Masyarakat tak sedar

"Isu kenapa komputer atau servis senang kena godam kerana masyarakat tidak sedar bahaya isu keselamatan siber yang boleh melumpuhkan sistem negara dalam saat sahaja.

"Setiap agensi perlu ada pakar yang mahir bukan setakat tahu komputer tapi boleh bina sistem pertahanan yang kukuh dan serang balik," katanya.

CSM adalah agensi pakar yang berfungsi sebagai jentera teknikal kepada MKN untuk membantunya selaraskan semua sektor kritikal negara (CNII).

Sementara itu, Amirudin meminta pakar tempatan yang mendakwa membangunkan sistem kalis serangan siber seperti Hackproof, supaya menyerahkan teknologi itu kepada CSM untuk ujian dan pensijilan yang boleh diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Katanya, teknologi kalis serangan siber wajar diserahkan ke CSM bagi pensijilan di bawah Common Criteria Scheme.

Skim itu bagi membantu menilai fungsi keselamatan produk teknologi maklumat tempatan atau luar negara supaya ia memenuhi standard keselamatan antarabangsa.

"Ia menggunakan penilaian berdasarkan ISO15048 dan CSM adalah satu-satunya organisasi di Asia Tenggara yang diiktiraf antarabangsa untuk membuat pensijilan berdasarkan skim itu dirantau ini," katanya.

Beliau mengulas laporan BH, kelmarin, mengenai dakwaan seorang pembangun sistem, Abdul Hamid Yeop Zainuddin mengenai Hackproof yang diciptanya boleh menyekat serangan siber.

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (NATION) : MUKA SURAT 22**  
**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

## Celebrating 'togetherness'

**PUTRAJAYA:** The fifth edition of Hari Unesco Malaysia 2015 or Unesco Day aims to engage Malaysians and create awareness about cultural heritage.

National Commission for Unesco Malaysia (SKUM) vice-president Tan Sri Dr Madinah Mohamad said this year's celebration would focus on the principles of togetherness.

"This year's theme is togetherness; encompasses the human aspect of socialising, communicating, interacting, and reacting as well as empathising and understanding one another.

"It will be a tribute to the many identities, identified collectively as one," she said here yesterday.

Madinah, who is also Education Ministry secretary-general, said the celebration was also to promote Unesco's role in ensuring sustainable development, eradicating poverty, promoting intercultural dialogue and maintaining peace.

The three-day event starting on May 22 would allow Malaysians "to reclaim public and historical places for leisure time with family and friends", she added.

"The public can also participate in cultural activities, and crowd-sourced art installations from 10am to 10pm daily," she said.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who is also SKUM president, will launch Hari Unesco Malaysia 2015 at Dataran Merdeka on Sunday.

Unesco director-general Irina Bokova is expected to attend.

The event is organised by SKUM under the purview of education ministry with the support of the Foreign Affairs Ministry; Science, Technology and Innovation Ministry; Tourism and Culture Ministry; Communication and Multimedia Ministry; and Women, Family and Community Development Ministry.



*Education Ministry secretary-general Tan Sri Dr Madinah Mohamad (centre) and deputy director general of education Datuk Khairil Awang (on her left) after the soft launch of Unesco Day in Putrajaya yesterday. Pic by Ahmad Irham Mohd Noor*

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 3  
TARIKH: 19 MEI 2015 (SELASA)**

Seorang pelajar turut kritikal dengan kesan terbakar pada rambut, kecederaan paru-paru

## Dua bapa maut dipanah petir

**BATU PAHAT** – Hasrat dua bapa murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Permatang Rengas di Sri Medan di sini untuk mengambil anak masing-masing tidak kesampaian apabila mereka maut di sambutan petir ketika berteduh di sebuah pondok di sekolah itu semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12.45 tengah hari itu, kedua-dua mangsa yang sedang menunggu anak mereka di pondok beratap zink sewaktu hujan dikatakan baru beberapa minit tiba sebelum kejadian itu berlaku.

Kedua-dua mangsa, Norazam Juwari, 42 dan Huda Jonit, 35, yang bekerja sebagai pekebun sawit dan mempunyai talian persaudaraan maut di tempat kejadian akibat cedera parah dan melecur pada anggota badan.

Dalam kejadian itu, seorang murid tahun-tiga sekolah tersebut, Siti Nor Aina Hairi, 9, cedera



NORAZAM



HUDA



KEADAAN kedua-dua mangsa Huda (kiri) dan Norazam yang maut di tempat kejadian selepas disambar petir sewaktu menunggu anak masing-masing di sebuah pondok berdekatan SK Seri Permatang Rengas di Sri Medan, Batu Pahat semalam.



INILAH pondok yang menjadi lokasi dua orang lelaki maut manakala seorang murid kritikal selepas dipanah petir di Batu Pahat.

parah selepas turut disambar petir ketika berada di pondok itu.

Siti Nor Aina kini dalam keadaan kritis dan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) di sini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Din Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam yang memaklumkan mengenai kejadian itu.

"Kedua-dua mangsa meninggal dunia di tempat kejadian dengan kesan melecur di badan sebelum dibantarkan ke hospital untuk bedah siasat," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, kanak-kanak tersebut

but pula mengalami kecederaan di bahagian kepala dengan kesan rambut yang terbakar serta kerosakan pada bahagian paru-paru.

Dalam pada itu, tinjauan di tempat kejadian mendapati sekolah terbabit turut mengalami kerosakan kecil akibat dipanah petir.

Sementara itu, menurut seorang saksi yang juga pengawal keselamatan sekolah tersebut, dia terkejut apabila terdengar jeritan orang ramai meminta pertolongan sebaik sahaja satu dentuman guruh kuat bergema di kawasan sekolah.

Pengawal keselamatan yang berusia 30-an dan enggan diketahui

nali itu berkata, dia berada di dalam pondok pengawal ketika kejadian berlaku dan bergegas keluar sebaik terdengar bunyi bising di luar sekolah terbabit.

"Sebaik melangkah keluar, saya ternampak dua lelaki terbaring kaku di bawah pondok, manakala seorang kanak-kanak yang juga pelajar sekolah ini terlantar di lantai pondok," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini semalam.

Tambahnya, kejadian petir berlaku beberapa kali sebelum itu, namun panahan terakhir yang kuat telah mengenai pokok sebelum menyambar pondok terbabit dan struktur pagar sekolah.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi menasihahkan orang ramai agar berlindung di dalam bangunan atau kereta ketika berlaku hujan ribut supaya dapat mengelak daripada dipanah petir.

Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd. Hisham Mohd. Hanip berkata, kejadian ribut petir di Malaysia merupakan fenomena biasa yang berlaku sepanjang tahun kerana iklim Tropika.

Katanya, kejadian tersebut lebih kerap ketika musim peredaran monsun pada pertengahan bulan Mac hingga pertengahan bulan Mei dan juga September hingga November.